

Kamera Digital Pegun

DMC-FS7/FS6

## **LUMIX DMC-FS7 Kuasa Gambar 10.1 Mega Piksel Dan DMC-FS6 Kuasa Gambar 8.1 Mega Piksel Dengan Lensa Leica DC\*, 4x Zoom Optik yang Menggabungkan Operasi Mudah, Rekaan Bentuk yang Bergaya dan Mod Auto Pintar**

**\*35mm bersamaan kamera film: 33-132mm**

Panasonic dengan sukacitanya melancarkan kamera model terbaru iaitu DMC-FS7 kuasa gambar 10.1 mega piksel dan DMC-FS6 dilengkapi dengan lensa Leica DC dengan kecerahan F2.8 tambahan 4x kuasa zoom optik (setara 33mm ke 132mm pada kamera filem 35mm). dan menjadi antara kamera siri LUMIX FS terbaru. Model siri terbaru FS ini juga 'adik beradik' kepada siri FX, membolehkan pengguna kamera ini untuk menikmati saat-saat merakam gambar yang menarik dengan kelengkapan operasi mudah berprofil tinggi yang sedia ada.

Mod auto pintar (iA) tergabung didalam model DMC-FS7 dan FS6 yang terdiri dari empat fungsi utama iaitu MEGA O.I.S, Intelligent ISO Control, Intelligent Scene Selector dan Face Detection. *Mega O.I.S* berfungsi untuk mengesan dan mengurangkan impak daripada tangan yang menggeletar atau bergerak semasa gambar diambil dan *Intelligent ISO Control* pula bertindak untuk mengelakkan gambar yang diambil menjadi kabur. *Intelligent Scene Selector*, mengesan suasana persekitaran serta memilih mod yang bersesuaian secara automatik untuk digunakan ketika rakaman seperti pemandangan, potret, atau suasana malam. Di samping itu, FS7 dan FS6 memastikan pencahayaan terbaik dengan fungsiimbangan cahaya latar auto (auto backlight compensation) yang boleh mengenalpasti setiap imej dengan subjek yang gelap di depan dan terang di belakang. Sistem pengesanan wajah (*Face Detection*) juga telah dipertingkatkan untuk mengubah kesesuaian berterusan sistem *AF/AE* sekiranya muka subjek bergerak atau memandang ke tepi dari kamera tersebut. Selain itu, kesan mata merah (*red eye effect*) hasil daripada pencahayaan '*flash*' kamera dapat dihilangkan secara digital. Dengan adanya butang Auto Pintar (iA) yang terdapat pada kamera secara berasingan, memudahkan mod Auto Pintar (iA) untuk diaktifkan. Fungsi serba boleh ini membenarkan pengguna mengambil foto secara automatik tanpa perlu melaraskan tetapan fungsi lain setiap kali keadaan sekitar berubah. Anda dapat menikmati kepuasan merakam gambar yang menarik walau di dalam apa jua keadaan.

Enjin *Venus Engine IV* yang merupakan pemproses imej serba boleh yang terdapat dalam model ini dapat mengawal masa respon dengan cepat.

Model kamera DMC-FS7 menggabungkan skrin LCD sebesar 2.7 inci manakala model kamera DMC-FS6 sangat kompak dengan skrin LCD bersaiz 2.5 inci, kedua-dua model tersebut mempunyai resolusi setinggi 230,000-dot dan fungsi LCD pintar, yang dapat mengesan tahap pencahayaan lampu dan mengawal tahap kecerahan skrin LCD dalam 11 langkah yang cermat, untuk mendapatkan rakaman yang sesuai dalam apa jua situasi. Ada berbagai lagi jenis fungsi yang dinaik taraf membuatkan kamera model FS7 dan FS6 lebih mudah dan menyeronokkan untuk menangkap gambar.

Didatangkan dengan panel metalik, nipis dan berkilat, model DMC-FS7 ini menjanjikan kesenangan kepada pengguna kerana kedua-dua model ini mudah dikawal untuk mengambil gambar yang pantas terutamanya kepada pengguna yang baru ingin berjinak-jinak di dalam bidang fotografi. Terdapat lima jenis warna yang dikeluarkan bagi model FS7 iaitu perak, hitam, biru, dan merah jambu. Manakala model DMC-FS6 pula mempunyai lima pilihan warna iaitu perak, hitam, biru dan merah jambu.

\*\*warna dan model kamera boleh didapati pada tempat jualan yang tertentu.

## **1. Evolusi mod auto pintar (iA) membolehkan pengguna menjadi jurugambar yang bagus dan professional.**

Panasonic menggabungkan mod auto pintar (iA) untuk pengendalian yang lebih mudah dan mengurangkan gambar yang tidak jelas. Dalam pada itu, pembetulan secara digital untuk kesan mata merah (red eye) boleh dilakukan dengan sistem pengesanan wajah (Face Detection). Dengan mod auto pintar (iA), kamera mengaktifkan penstabil imej optikal(MEGA O.I.S), pengawal ISO pintar (Intelligent ISO Control), pemilih suasana persekitaran pintar (Intelligent Scene Selector), pengesanan wajah (Face Detection) dan pendedahan pintar (Intelligent Exposure). Ini membolehkan pengguna mengambil foto dan menekan butang "shutter" dengan jaminan gambar yang diambil akan menjadi cantik,jelas dengan pendedahan cahaya yang bersesuaian.

Ketepatan pengesanan wajah (Face Detection) yang dinaik taraf di dalam model FS7 dan FS6 ini membolehkan pelarasan terhadap fokus dan pendedahan cahaya walaupun wajah seseorang tidak sepenuhnya menghadap ke kamera tersebut. Sebagai tambahan, kesan mata merah (red eye effect) yang disebabkan oleh "flash" kamera, boleh dibetulkan secara digital.

Fungsi pemilih suasana persekitaran pintar (Intelligent Scene Selector) boleh

mengesan 5 mod suasana persekitaran iaitu Macro, Potrait, Scenery, Night portrait dan Night scenery yang bersesuaian dengan situasi rakaman. Model ini juga menggabungkan fungsiimbangan cahaya latar (auto backlight compensation) yang boleh diaktifkan apabila kamera ini mengesan pencahayaan di sebalik subjek tersebut.

Sistem pantas fokus auto (Quick AF system) membolehkan kamera untuk memfokus pada subjek yang bergerak secara automatik tanpa perlu menahan butang separuh jalan, dengan mengurangkan jangka masa AF, keputusan yang memuaskan dapat diperolehi.

Tambahan pada fungsi-fungsi yang ada pada kamera tersebut, mod iA merangkumi kesemua fungsi-fungsi asas yang pengguna perlukan di dalam sebuah kamera digital pegun. Ini termasuk fungsi penstabil imej optikal (MEGA O.I.S) yang boleh mengurangkan imej itu dari menjadi kabur akibat kesan gegaran dan fungsi pengawal ISO pintar (Intelligent ISO Control) yang dapat mengawal kekaburan imej apabila subjek bergerak semasa pengguna sedang merakam gambar tersebut. Fungsi penstabil imej optikal (MEGA O.I.S) juga mempunyai mod auto yang boleh memilih antara mod 1 dan mod 2 yang telah sedia ada mengikut kesesuaian nisbah zoom yang diinginkan.

Pengguna dapat mengaktifkan kesemua fungsi yang terdapat pada kamera ini dengan menekan butang Auto Pintar (iA) yang terletak pada atas kamera tersebut untuk pengendalian pengguna. Kesemua fungsi unik dalam FS7 dan FS6 ini menjadikan kamera automatik serba boleh ini sebuah kamera yang sesuai untuk mengambil gambar yang menarik dan jelas.

## **2.Lensa Leica DC VARIO-ELMARIT dengan 4x zoom optik dan sudut lebar (33-132mm\*), CCD resolusi tinggi danVenus Engine IV yang berprestasi tinggi.**

Model DMC-FS7 dengan kuasa gambar 10.1 mega piksel dan model DMC-FS6 dengan kuasa gambar didatangkan dengan pakej lensa Leica DC VARIO-ELMAR selebar (33-132) milimeter diikuti dengan 4x zoom optik ini dimuatkan dalam bentuk yang nipis dan kompak. Mengandungi enam elemen dalam lima kumpulan, termasuk tiga lensa *aspherical* dan empat permukaan *aspherical*. Lensa bermutu tinggi ini dimuatkan dalam reka bentuk kamera yang nipis dan kompak dan berkualiti tinggi.

Selain itu, pembesaran imej dan kenaikan kuasa zoom ke 7.1x (234mm\*,FS7) dan 6.4x

(211mm\*,FS6) dapat dilakukan dengan mod resolusi tiga mega piksel dan fungsi zoom optik ekstra (Extra Optical Zoom) yang terletak pada CCD.

Pemrosesan imej *LSI* dan enjin *Venus Engine IV* mempamerkan teknologi isyarat pemrosesan untuk imej yang berkualiti tinggi.

Enjin *Venus Engine IV* yang merupakan pemproses imej serba boleh yang terdapat dalam model DMC-FS7 dan DMC-FS6 ini dapat mengawal masa respon dengan cepat. Masa pelepasan '*shutter*' lebih kurang 0.007(FS7) dan 0.006(FS6) saat bagi respon pantas kamera membolehkan gambar diambil dengan cepat dan jelas. Dalam mod '*High Speed Burst Shooting*'\*\*\*, model DMC-FS7 boleh menangkap 2.3 bingkai sesaat manakala model DMC-FS6 pula 3 bingkai sesaat. Pengguna juga boleh menangkap gambar secara berturut-turut sehingga kad memori penuh. Enjin '*Venus Engine IV*' juga membantu mod sensitif tinggi (High Sensitivity) yang membolehkan model DMC-FS7 dan DMC-FS6 merakam penyelarasan setinggi ISO 6400, subjek yang kurang jelas juga boleh dirakam dengan mod sensitif ini tanpa menggunakan pencahayaan '*flash*'.

\*35 mm kamera filem diperlukan.

\*\* Maksimum 5(FS7)/7(FS6) imej dalam *standard* mod/ 3(FS7)/4(FS6) imej dalam '*fine*' mod.

\*\*\*Dalam 3 mega piksel (4:3), 2.5 mega piksel(3:2), 2 mega piksel (16:9) masa rakaman

\*\*\*\*Tangkapan yang dilakukan secara berturut-turut bergantung kepada memori kad, saiz imej, modimbangan imej.

### **3. Skrin LCD pintar dengan kelebaran sebesar 2.7 inci bagi model (FS7) dan 2.5 inci bagi model (FS6) resolusi tinggi 230,000 dot untuk kemudahan merakam dan tayang semula.**

Model DMC-FS7 menggabungkan idea '*easy to see*', LCD bersaiz 2.7 inci (2.5 inci bagi DMC-S6) lebar dengan resolusi tinggi sebanyak 230,000 untuk keselesaan menonton sambil mengawal dan mengulang tayang gambar yang telah diambil. LCD pintar ini juga berfungsi untuk mengesan tahap pencahayaan dan secara automatik meningkatkan tahap pencahayaan LCD sebanyak 40% apabila pengguna merakam di luar persekitaran yang bercahaya terang dan mengubah kadar rakaman apabila mengambil gambar dalam keadaan gelap sambil menggunakan campuran piksel untuk mengekalkan kejelasan dalam suasana yang gelap. Terdapat 11 langkah jimat untuk mengesan ketepatan pencahayaan dan mengawal kecerahan secara automatik, fungsi ini dapat memberikan kejelasan yang bersesuaian pada setiap suasana tanpa menggunakan tenaga yang berlebihan. Mod sudut tinggi (*High Angle*) membolehkan skrin LCD dilihat dengan mudah dan jelas apabila kamera tersebut dijinjing semasa mengambil gambar kumpulan yang besar

Kini lebih mudah bagi pengguna untuk menekan atau mencari menu dengan adanya pilihan

terbaru iaitu “*Display Size*”.

#### 4. *Pilihan mudah dan tepat untuk sesi fotografi yang lebih menyeronokkan .*

Kamera Lumix selanjutnya menawarkan banyak pilihan untuk sesi fotografi yang lebih menyeronokkan. Kedua-dua model iaitu DMC-FS7 dan DMC-FS6 membolehkan pengguna menikmati pertunjukan slaid atau *Slideshow*’ dengan berlatarkan muzik. Pengguna hanya perlu memilih gambar yang hendak dipaparkan dan memilih ‘*mood*’ yang bersesuaian dalam pilihan yang sedia ada seperti *natural, slow, urban* atau *swing* dan pengguna akan dapat menikmati ‘*slideshow*’ dengan efek-efek yang menarik dan muzik yang bersesuaian.

Kesemua kamera Lumix boleh menangkap gambar resolusi tinggi iaitu 1920x1080 piksel dan berkualiti tinggi yang sangat ideal untuk ditonton oleh pengguna pada skrin lebar HDTV (16:9). Panasonic memberi tumpuan untuk menjadikan bidang fotografi lebih menyeronokkan dengan membolehkan pengguna kamera LUMIX menonton dan menayangkan kembali gambar-gambar yang telah diambil melalui TV VIERA Panasonic dengan adanya ‘*Viera Image Viewer*’ (*internal SD card slot*). Untuk video gambar, DMC-FS7 dan DMC-FS6 boleh merakam gambar WVGA (848 x 480) yang bergerak dalam jangka masa 30 rakaman gambar sesaat dan juga ‘*standard*’ VGA (640 x 480). Video gambar WVGA juga boleh dimuatkan dalam TV skrin lebar (16:9) dengan sempurna dan menjanjikan kepuasan kepada penonton.

\*Pengguna disyorkan untuk mengguna kad berkuasa tinggi seperti 10MB atau yang bersesuaian apabila pengguna menggunakan kualiti WVGA atau VGA.

\* Kelajuan ‘kelas’ SD ialah kelajuan *standard* apabila menulis tanpa henti.

\*Rakaman yang dibuat secara berterusan boleh dirakam sehingga 15 minit dalam negara yang tertentu.

\*Rakaman yang berterusan melebihi 2GB tidak dapat dirakamkan jika merakam jenis gambar JPEG yang bergerak.

Baki masa untuk rakaman berterusan akan tertera pada skrin.

## 5. Bahagian Lain

Model terbaru DMC-FS7 dan DMC-FS6 memberi pilihan fungsian yang bersesuaian dan pengguna dapat menikmati keseronokan untuk menangkap gambar yang cantik. Pengguna dapat memilih beberapa jenis ikon yang berlainan semasa mengenalpasti fokus terhadap subjek itu apabila menggunakan kamera. Ikon yang terdapat selain dari bentuk 'dot' yang biasa, adalah seperti bentuk bunga, kereta dan lain-lain. Mod *Photo Frame* juga dimasukkan ke dalam kedua-dua model dan ia membolehkan pengguna menghiasi gambar dengan 'frame' atau bingkai yang menarik. Gambar yang telah dihias dengan mod *Photo Frame* boleh dicetak dan dijadikan poskad sebagai cenderahati.

Dengan fungsian *My Scene* yang telah dimuatkan dalam kedua-dua model ini sesuai bagi pengguna yang ingin mengubah mod suasana atau 'scene' yang diinginkan.

### Tentang Software PHOTOfunSTUDIO 3.0

Software **PHOTOfunSTUDIO 3.0** yang terbaru dan menyeronokkan ini didatangkan sekali dengan model DMC-FS7 dan DMC-FS6. PHOTOfunSTUDIO 3.0 ini juga memudahkan pengguna untuk mengatur atau mengubah suai koleksi gambar mereka dengan mudah dan menyeronokkan. Ia mempunyai fungsi *Face Recognition* atau sistem pengesanan muka yang berfungsi untuk mengenal pasti gambar yang dimasukkan ke dalam komputer mereka dan mengasingkan gambar mengikut imej wajah. Sebelum ini, pengguna harus menyusun dan mencari satu persatu gambar yang dikehendaki, tetapi dengan adanya **PHOTOfunSTUDIO 3.0** ini, secara automatik ia akan mendaftar dan mengesan tanpa mengira jenis kamera yang digunakan. Pengguna juga boleh menikmati persembahan slaid dengan pelbagai efek latar belakang. Video atau gambar yang bergerak (MOV atau MPEG2) juga boleh dimasukkan ke dalam YouTube.

\*Leica merupakan hakcipta Leica Microsystems IR GmbH.

\*Lensa LEICA DC VARIO-ELMAR direka menggunakan alat ukuran dan sistem yang berkualiti yang telah diluluskan oleh Leica Camera AG berasaskan *standard* kualiti syarikat.

\*YouTube merupakan hakcipta Google Inc

\*Nama produk dan syarikat adalah hakcipta terpelihara.

\*Unit ini bersesuaian dengan memori kad SD dan memori kad SDHC. Alat yang digunakan pada memori kad SDHC dan memori kad SD adalah berlainan (sila rujuk langkah-langkah operasi apabila memori kad SDHC digunakan pada setiap alat).

\*Sesetengah aksesori hanya terdapat pada negara yang tertentu

Media Kontek:

**DMC-FS7,FS6 Specifications**

DMC-FS7: S-Silver, K-Black, A-Blue, P-Pink, Actual Selling Price is RM 799.00

DMC-FS6: S-Silver, K-Black, A-Blue, P-Pink : Actual Selling Price is RM 699.00

<b>Optics</b>	<b>Dimensions (W x H x D)</b>	<b>DMC-FS7:</b> <b>DMC-FS6:</b>	97.0 x 54.4 x 21.7 mm (3.82 x 2.14 x 0.85 in) 97.0 x 54.4 x 21.2 mm (3.82 x 2.14 x 0.84 in)
	<b>Weight</b>	<b>DMC-FS7:</b> <b>DMC-FS6:</b>	Approx. 117g (0.258 lb), Approx. 139g with Battery and SD Memory Card (0.31 lb) Approx. 115g (0.25 lb), Approx. 137g with Battery and SD Memory Card (0.3 lb)
	<b>Camera Effective Pixels</b>	<b>DMC-FS7:</b> <b>DMC-FS6:</b>	10.1 Megapixels 8.1 Megapixels
	<b>Sensor Size / Total Pixels / Filter</b>	<b>DMC-FS7:</b> <b>DMC-FS6:</b>	1/2.5-inch / 10.35 Total Megapixels / Primary Color Filter 1/2.5-inch / 8.32 Total Megapixels / Primary Color Filter
	<b>Aperture</b>		F2.8 - 5.9 / 2-Step (F2.8 - 8 (W) / F5.9 - 16 (T))
	<b>Optical Zoom</b>		4x
	<b>Focal Length</b>		f=5.5-22.0mm (33-132mm in 35mm equiv.)
	<b>Extra Optical Zoom (EZ)</b>	<b>DMC-FS7:</b> <b>DMC-FS6:</b>	5.7x (4:3 / 5M), 7.1x (under 3M) 5.1x (4:3 / 5M), 6.4x (under 3M)
	<b>Lens</b>		LEICA DC VARIO-ELMARIT 6 elements in 5 groups (3 Aspherical Lenses / 4 Aspherical surfaces)
	<b>Optical Image Stabilizer</b>		MEGA O.I.S. (Auto / Mode1 / Mode2)
	<b>Digital Zoom</b>	<b>DMC-FS7:</b> <b>DMC-FS6:</b>	4x ( Max. 16.0 x combined with Optical Zoom without Extra Optical Zoom ) (Max.28.4x combined with Extra Optical Zoom) (Max.25.6x combined with Extra Optical Zoom)
	<b>Focusing Area</b>		Normal: Wide 50cm - infinity Macro / Intelligent AUTO : Wide 5cm / Tele 50cm - infinity
	<b>Focus Range Display</b>		Yes
	<b>AF Assist Lamp</b>		Yes
<b>Focus</b>		Normal / Macro, Quick AF (Always On)	
<b>AF Metering</b>		Face / Multi (9pt) / 1pt	
<b>Shutter Speed</b>		8-1/2000 sec, Starry Sky Mode : 15, 30, 60sec.	
<b>Recording</b>	<b>Optical Image Stabilizer</b>		Yes
	<b>Intelligent ISO Control</b>		Yes
	<b>Face Detection</b>		Yes
	<b>Intelligent Scene Selector</b>		Portrait, Scenery, Night Portrait, Night Scenery, Macro
	<b>Digital Red Eye Correction</b>		Yes
	<b>iA Direct Button</b>		Yes
	<b>File Format</b>		Still Image: JPEG (DCF / Exif2.21) Motion picture: QuickTime Motion JPEG
	<b>Mode Switch</b>		[Recording] / [Playback]
	<b>Mode Button</b>		Intelligent AUTO, Normal Picture, MySCN, SCN, Motion Picture

<b>Scene Mode</b>		Portrait, Soft Skin, Transform, Self-Portrait, Scenery, Sports, Night Portrait, Night Scenery, Food, Party, Candle Light, Baby1, Baby2, Pet, Sunset, High sensitivity, Hi-Speed Burst, Flash Burst, Starry Sky, Fireworks, Beach, Snow, Aerial photo, Film Grain, Photo Frame
<b>Continuous Shooting Mode</b>	<b>DMC-FS7:</b>  <b>DMC-FS6:</b>	Full-Resolution Image, 2.5 frames/sec Max. 5 images (Standard mode), Max 3 images (Fine Mode) High-speed Burst Mode: approx. 6 frames/sec (recorded in 3M for 4:3, 2.5M for 3:2, 2M for 16:9)  Full-Resolution Image, 3.0 frames/sec Max. 7 images (Standard mode), Max 4 images (Fine Mode) High-speed Burst Mode: approx. 5.5 frames/sec (recorded in 3M for 4:3, 2.5M for 3:2, 2M for 16:9)
<b>Unlimited consecutive shooting</b>		1.7 frames/sec
<b>Motion Picture Recording</b>	<b>4:3</b>  <b>16:9</b>	VGA: 640 x 480 pixels, 30fps (Motion JPEG) QVGA: 320 x 240 pixels, 30 fps (Motion JPEG) WVGA: 848 x 480 pixels, 30 fps (Motion JPEG)
<b>Exposure</b>		Program AE
<b>Exposure Compensation</b>		1/3 EV step, +/-2 EV
<b>Backlight Compensation</b>		Yes (only in Intelligent AUTO mode)
<b>Auto (AE) Bracketing</b>		+/- 1/3 EV ~1EV step, 3 frames
<b>Light Metering</b>		Intelligent Multiple
<b>ISO Sensitivity</b>		Auto / 80 / 100 / 200 / 400 / 800 / 1600, High Sensitivity (ISO 1600-6400)
<b>Aspect Ratio</b>		4:3 / 3:2 / 16:9
<b>Still Picture Recording Image Quality</b>	<b>DMC-FS7:</b> <b>[4:3]</b>  <b>[3:2]</b>  <b>[16:9]</b>  <b>DMC-FS6</b> <b>[4:3]</b>  <b>[3:2]</b>  <b>[16:9]</b>	3648 x 2736 (10M) / 3072 x 2304 (7M EZ) / 2560 x 1920 (5M EZ) / 2048 x 1536 (3M EZ) / 1600 x 1200 (2M EZ) / 640 x 480 (0.3M EZ)  3648 x 2432 (9M) / 3072 x 2048 (6M EZ) / 2560 x 1712 (4.5M EZ) / 2048 x 1360 (2.5M EZ)  3648 x 2056 (7.5M) / 3072 x 1728 (5.5M EZ) / 2560 x 1440 (3.5M EZ) / 1920 x 1080 (2M EZ)  3264 x 2448 (8M) / 2560 x 1920 (5M EZ) / 2048 x 1536 (3M EZ) / 1600 x 1200 (2M EZ) / 640 x 480 (0.3M EZ)  3264 x 2176 (7M) / 2560 x 1712 (4.5M EZ) / 2048 x 1360 (2.5M EZ)  3264 x 1840 (6M) / 2560 x 1440 (3.5M EZ) / 1920 x 1080 (2M EZ)
<b>White Balance</b>		Auto / Daylight / Cloudy / Shade / Halogen / White Set  (Selectable at Portrait, Soft Skin, Transform, Self-Portrait, Sports, Baby, Pet, High Sensitivity, Highspeed Burst, Photo Frame mode)
<b>Quick Menu</b>		Yes
<b>Color Mode</b>		Standard, Natural, Vivid, Black & White, Sepia, Cool, Warm
<b>Composition Guide line</b>		Yes (1 pattern)
<b>Auto Review</b>		1sec, 2sec, Hold, Zoom
<b>Macro Zoom</b>		Yes
<b>Orientation Detector</b>		Yes
<b>Scene Mode Help Screen</b>		Yes
<b>Self Timer</b>		2sec / 10sec
<b>Focus Icon Select</b>		Yes
<b>Playback Mode</b>		Normal Playback, Slideshow, Category Playback, Favorites Playback
<b>Thumbnails / Zoomed Playback</b>		12,30-thumbnails / Max 16x

	Calender Display / Dual-Image Playback	Yes / No
	Set Favorites / Rotate Image	Yes / No
	Playback Motion Picture	Yes (Motion JPEG)
	Slideshow Mode	All Still Images / Favorites / Category BGM Effect (Natural / Slow / Swing / Urban / OFF)
Setup Others	Delete Image	Single / Multi / All / All except Favorites
	DPOF Print Setting / Set Protection	Yes / Yes
	Resize / Trim	Yes / Yes /
	Copy / Title Edit / Text Stamp	Yes / Yes / Yes
	PictBridge Support	Single / Multi / All / Favorites / DPOF
	OSD language	English, German, French, Italian, Spanish, Polish, Czech, Hungarian, Russian, Chinese (Traditional), Chinese (Simplified), Netherlandic, Thai, Korean, Turkish, Portuguese, Arabic, Persian, Japanese, Swedish, Danish, Finnish <i>*Varies depending on the sales area.</i>
	Travel Date / World Time	Yes / Yes
	LCD Monitor	<b>DMC-FS7:</b> 2.7" TFT Screen LCD Display (230K dots) <b>DMC-FS6:</b> 2.5" TFT Screen LCD Display (230K dots) Field of View : approx. 100% AUTO Power LCD mode, Power LCD mode, High-Angle LCD
	Built-in-Flash	Auto, Auto/Red-eye Reduction, Forced On, Forced Off 0.3 - 6.3m (Wide/ISO Auto), 0.5 - 3.0m (Tele/ISO Auto)
	Recording Media	Built-in Memory, SD Memory Card, SDHC Memory Card, MultiMediaCard (Still image only)
	Built-in-Memory	Approx. 50MB
	Microphone / Speaker	Mono / Yes
	Interface	AV Output (NTSC/PAL, NTSC only in N.America) / USB2.0 Full speed, DC Input (requires optional DC Coupler)
	Power	ID-Security Li-ion Battery Pack (3.6V, 940mAh) (Included) AC Adaptor (Input: 110-240V AC) (Optional)
	Battery life (approx.)	<b>DMC-FS7:</b> 360 pictures (CIPA Standard)* <b>DMC-FS6</b> : 400 pictures (CIPA Standard)*
Included Software	PHOTOfunSTUDIO v3.0 ArcSoft (MediaImpression / Panorama Maker) USB Driver, QuickTime	
Standard Accessories	Battery Charger, Battery Pack, Battery carrying case AV Cable, USB Connection Cable, AC Cable Hand Strap, CD-ROM <i>*Varies depending on the sales area</i>	

\*Based on the CIPA standard. Shooting conditions: 23°C with 50% humidity; LCD on; using SD Memory Card; starting to shoot 30 seconds after turning on the power; shooting once every 30 seconds with the flash in full operation for every other shot; changing the zoom setting from telephoto to wide, or wide to telephoto, for each shot; and temporarily turning the power off after each 10 shots (long enough to lower the battery temperature).

\*\*The number of recordable pictures decreases in Auto Power LCD mode or Power LCD mode.

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Layari laman web: [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com) untuk muat turun siaran akhbar dan foto.

**Perhubungan Media:** Azizah Wahid  
Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

**Perhubungan Produk:** Patricia Yaw Bee Lei  
Product Executive (Lumix)  
Digital Imaging Panasonic Malaysia  
Tel: 03-7809 7696 Fax: 03-7955 2848 Mobile : 012-975 6863  
Email: [patricia.yaw@my.panasonic.com](mailto:patricia.yaw@my.panasonic.com)